

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk mewujudkan Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Sibuti khusus bagi kawasan Bekenu atau Niah (dalam pentadbiran daerah Subis) bagi menampung keperluan penduduk luar bandar memandangkan banyak premis rumah kedai bagi mewujudkan kolej komuniti di daerah Subis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesebuah universiti awam, politeknik atau kolej komuniti dibangunkan, pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga perlu dipertimbangkan.

Dalam konteks Sarawak, telah wujud 12 buah institut pendidikan tinggi awam, iaitu dua buah universiti awam; tiga politeknik dan tujuh kolej komuniti. Kesemua institut ini telah menawarkan program-program akademik yang berdaya saing dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan; kejuruteraan; teknologi; perdagangan; perkhidmatan; pendidikan dan sebagainya yang dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Berdasarkan jumlah institut dan bidang-bidang yang ditawarkan tersebut, buat masa ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun, pihak KPT akan mengkaji keperluan perkara ini dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah insiden pada tahun ini seperti insiden konkrit pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (Suke) menimpa sebuah kereta dan apakah pelan jangka masa panjang JKKP untuk mengurangkan jumlah insiden seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan yang dilaporkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dari Januari hingga September 2020, terdapat tujuh (7) kes kemalangan di tapak pembinaan melibatkan aktiviti pembinaan lebuhraya yang menjejaskan keselamatan orang awam.
2. Susulan daripada kemalangan tersebut, JKKP telah menjalankan siasatan kemalangan dan mengambil tindakan, antaranya seperti berikut:
 - a) Mengeluarkan **Notis Larangan kepada majikan bagi menghentikan kerja-kerja pemasangan tembok parapet** bagi projek pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (Suke) dan lain-lain tapak projek yang menjalankan aktiviti serupa.

- b) Mengarahkan pihak majikan mengemukakan reka bentuk penyokong sementara parapet yang diperakui oleh Jurutera Profesional, pernyataan kaedah dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi aktiviti pemasangan parapet.

3. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dan seterusnya mengurangkan insiden seperti ini, JKPP telah dan sedang melaksanakan tindakan jangka masa panjang seperti berikut:

- a) **Menggubal dan menambahbaik perundangan** berkaitan sektor pembinaan termasuk cadangan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, supaya kekal relevan dan sesuai dengan kehendak semasa;
- b) **Menggalakan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017**. Garis panduan ini menitikberatkan **tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, perekabentuk dan pembina atau kontraktor di awal peringkat pembinaan sehinggalah ke peringkat perobohan**, untuk mengenalpasti dan mengawal risiko KKP bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini. Garis Panduan ini juga sedang diusahakan untuk dinaik taraf menjadi peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pemain industri pembinaan.
- c) **Membangun dan melaksanakan Pelan Induk KKP Negara 2021 – 2025** (OSHMP 2025), yang merupakan kesinambungan pelan induk sebelum ini, OSHMP 2020, antara lain bertujuan meningkatkan penglibatan semua pihak untuk mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan termasuk di sektor pembinaan.
- d) Mengadakan **operasi penguatkuasaan secara berkala** di tapak pembinaan seluruh negara, serta **memberi penumpuan penguatkuasaan** di sektor pembinaan untuk memastikan

keselamatan pekerja dan orang awam Bagi tempoh Januari hingga September 2020, sebanyak **11,638** pemeriksaan tapak pembinaan telah dijalankan oleh JKKP;

- e) Bagi tempoh Januari hingga September 2020, JKKP telah **mengambil pelbagai tindakan punitif** ke atas ketidakpatuhan perundangan KKP di sektor pembinaan, iaitu:
- i. **2,975** surat arahan telah dikeluarkan;
 - ii. **1,050** notis perbaikan dan **1,625** notis larangan telah diberikan;
 - iii. **280** kompaun berjumlah **RM 487,500** telah dikenakan; dan
 - iv. **61** kes pendakwaan telah selesai, dengan penalti berjumlah **RM 899,500**.
- f) **Meningkatkan pemantauan tapak pembinaan oleh Safety Patrol Unit JKKP** pada waktu siang dan malam;
- g) **Menjalin kerjasama** dengan agensi berkaitan industri pembinaan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); pemunya projek seperti PROLINTAS; serta badan professional seperti Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); untuk **meningkatkan tahap KKP** di industri pembinaan.
- h) Ringkasnya, sekiranya majikan, pekerja dan **semua pihak berkepentingan melaksanakan peranan mereka secara efektif**, ianya akan membentuk dan memperkukuh lapisan-lapisan perlindungan yang mampu mengelakkan kegagalan sistem KKP dan sekaligus mencegah kemalangan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terkini Program Insentif Pengambilan Pekerja selepas Kerajaan membelanjakan RM1.5 bilion untuk menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan di mana syarikat akan diberikan insentif kewangan untuk memberi pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives*) untuk menggalakkan majikan agar membuat pengambilan pekerja tempatan.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan semua, sehingga 20 November 2020 pencapaian Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*) adalah seperti berikut:

a) **Program MyApprentice** di mana seramai **5,499** perantis telah berjaya ditempatkan;

b) **Program HireMalaysia** iaitu seramai **68,198** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **10,874** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;

c) **Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan** dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)** ialah seramai **351** orang;

d) **Bantuan Mobiliti** secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Seramai **4,263** orang pekerja telah mendapat faedah ini.

e) **Program Latihan** untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan. Seramai **14,029** orang pekerja telah mendapat manfaat ini; dan

f) Portal **MYFutureJobs** iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Sejak **MyFutureJobs** diperkenalkan, sebanyak **524,116** kekosongan jawatan dan **389,184** pencari kerja telah didaftarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN A/L V.MURUGESON
[IPOH BARAT]**

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN A/L V.MURUGESON [IPOH BARAT] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) jumlah pekerja yang telah dimanfaatkan dan dibantu selepas RM16.2 bilion diperuntukkan oleh Kerajaan bagi program subsidi upah melalui skim Penjana dan Prihatin dan menyenaraikan syarikat- syarikat yang berjaya mendapat bantuan ini; dan
- (b) adakah bantuan ini secara keberkesanannya dapat mengurangkan kadar pembuangan kerja atau pemberhentian kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah inisiatif pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.7 bilion bagi melaksanakan Program Subsidi Upah 1.0 (PSU 1.0) dan Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) yang bertujuan untuk membantu majikan menampung kos operasi syarikat yang terkesan akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi di samping mengekalkan pekerja mereka.

2. Di bawah pakej PRIHATIN, subsidi upah bagi PSU 1.0 kepada majikan adalah untuk tempoh 3 bulan. Pada 5 Jun 2020, bantuan PSU 1.0 ini telah dilanjutkan untuk 3 bulan di bawah pakej PENJANA yang menjadikan jumlah keseluruhan bantuan selama 6 bulan. Bagi PSU 2.0 yang diperkenalkan di bawah pakej KITA PRIHATIN pada 23 September 2020 lalu, majikan berpeluang mendapat subsidi upah selama 3 bulan tambahan bagi permohonan sedia ada dan 6 bulan bagi permohonan baharu di mana pendaftaran telah dibuka pada 1 Oktober 2020 yang lalu dan akan ditutup pada 31 Disember 2020. Setakat 27 November 2020, sebanyak RM12.63 bilion subsidi upah telah disalurkan yang memanfaatkan 325,379 majikan serta membantu mengekalkan hampir 2.67 juta pekerja.

3. Senarai syarikat-syarikat yang telah diluluskan untuk menerima manfaat PSU 1.0 telah dimuatnaik ke portal rasmi PERKESO dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Inisiatif ini antara lain merupakan sebahagian daripada mekanisme PERKESO bagi memastikan ketelusan supaya syarikat yang benar-benar layak sahaja menerima manfaat subsidi upah ini.

4. Bagi pelaksanaan PSU, keberkesanannya dapat dilihat berdasarkan maklumat bilangan pekerja yang menerima manfaat daripada PSU yang menunjukkan bahawa PSU amat membantu mengelakkan kehilangan

pekerjaan. Antara indikator lain adalah penurunan kadar pengangguran daripada 5.3% pada bulan Mei sehingga 4.7% pada bulan Oktober.

5. Dari segi statistik kehilangan pekerjaan atau *Loss of Employment* (LOE) pula, pelaksanaan PSU juga telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap trend LOE bagi tahun ini di mana telah berlaku penurunan yang ketara bagi kes kehilangan pekerjaan yang dilaporkan kepada PERKESO bermula Jun 2020 sehingga September 2020. Statistik ini menunjukkan bahawa PSU telah berjaya mengurangkan impak LOE yang dijangka berlaku susulan kemelesetan ekonomi akibat COVID-19.

6. Kerajaan sentiasa prihatin dan memantau keadaan semasa memandangkan negara sedang berhadapan dengan gelombang ke-3 penularan wabak COVID-19. Kesan kepada perniagaan serta pekerja adalah antara perkara yang diambil serius oleh Kerajaan, dan di bawah Belanjawan 2021 yang diluluskan baru-baru ini, beberapa inisiatif di bawah JanaKerja bernilai RM3.7 bilion akan diambil untuk terus menangani cabaran berkaitan pekerjaan melalui pengwujudan peluang pekerjaan serta peningkatan kemahiran buat semua rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa kekurangan kecekapan jabatan dalam penempatan pekerjaan di mana pangkalan data Penjana Kerjaya (*MYFutureJobs*) mencatatkan seramai 81,217 orang pekerja telah hilang pekerjaan setakat bulan September 2020 walaupun terdapat 278,246 buah jawatan kosong sejak Januari 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kes kehilangan pekerjaan sehingga 20 November 2020 adalah seramai **97,821**. Namun begitu, walaupun dalam keadaan yang sukar ini dan cabaran untuk membendung penularan wabak COVID-19, sehingga 20 November 2020, PERKESO telah berjaya menempatkan seramai **114,129** orang pencari kerja ke alam pekerjaan dan seramai **34,540** orang yang kehilangan pekerjaan telah kembali bekerja. PERKESO akan meneruskan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan penempatan pencari-pencari kerja.

2. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), sehingga 20 November 2020 kes kehilangan pekerjaan tertinggi melibatkan kumpulan kategori pekerjaan kelas pertengahan dan atasan. Manakala kekosongan jawatan tertinggi yang direkodkan melibatkan kategori pekerjaan kelas bawah dan pertengahan.

3. Antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh PERKESO untuk meningkatkan kebolehpasaran dan penempatan pekerjaan adalah seperti berikut;

- a) Menggunakan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara; **Portal MyFutureJobs** untuk membantu majikan dan pencari kerja. Sejak *MYFutureJobs* diperkenalkan pada 1 Januari 2020 sehingga 27 November 2020, sebanyak **665,396** kekosongan jawatan dan **423,982** pencari kerja telah didaftarkan;
- b) Melaksanakan Karnival PenjanaKerjaya (**berdasarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* membendung jangkitan wabak Covid-19**), di seluruh negara apabila keadaan kembali pulih;
- c) Temuduga atas talian bagi memudahkan majikan dan pencari kerja bertemu;

SOALAN NO: 240

- d) Meningkatkan lagi pelaksanaan promosi agar majikan dan pencari kerja sentiasa mendapat maklumat terkini berkenaan program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan juga tawaran kekosongan jawatan majikan swasta; dan
- e) Menawarkan program-program latihan seperti *Skill Profilling*, *Mock Interview*, Latihan Kemahiran Bahasa dan Penyampaian, Penulisan *Resume* dan lain-lain latihan yang berkaitan kepada pencari kerja yang berdaftar dengan *MYFutureJobs*.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Pembinaan SMK Pekan Nabalu di kawasan Parlimen Tuaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nabalu, Tuaran, Sabah telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 18 bilik darjah, bangunan pentadbiran, asrama, kuarters guru, dewan makan dan lain-lain kemudahan berkaitan dengan kos berjumlah RM32.7 juta. Projek ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan pembinaan projek ini telah bermula pada 1 Mei 2012.

Walau bagaimanapun, projek ini telah ditamatkan pada Ogos 2013 disebabkan oleh kedudukannya yang berada di dalam kawasan lingkaran gempu bumi dan tapak sekolah tersebut telah disyorkan tidak selamat oleh Jabatan Mineral dan Geosains, Sabah.

NO. SOALAN: 241

Memandangkan keperluan pembinaan SMK Pekan Nabalu ini amat mendesak, Kementerian telah mengambil langkah dengan mengenal pasti tapak baharu di Kampung Giok, Tamparuli bagi menggantikan tapak asal projek ini.

Untuk makluman, proses pengambilalihan tanah tapak baharu telah selesai pada tahun 2019 dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah akan memohon kelulusan peruntukan baharu bagi projek pembinaan SMK Pekan Nabalu dalam *Rolling Plan 2* (Tahun 2022) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

Sekian.